

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama

Sidang 1987/88

RMW 352 - Ekonomi Bangunan

Tarikh: 5 November 1987

Masa: 9.00 pagi - 12.00 t/hari  
(3 jam)

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi DUA muka surat yang tercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab LIMA soalan.

1. (a) Bangunan-bangunan yang tinggi adalah lebih mahal daripada bangunan-bangunan dua atau tiga tingkat yang memberikan keluasan ruang boleh guna (usable area) yang sama, dan semakin tinggi bangunan-bangunan itu semakin tinggi kosnya. Bincangkan.

( 10 markah )

- (b) Rupabentuk bangunan merupakan salah satu faktor utama yang mempengaruhi kos bangunan. Rupabentuk bangunan yang mempunyai nisbah perimeter/keluasan lantai yang rendah adalah dikatakan lebih murah. Bincangkan.

( 10 markah )

2. Tujuan utama proses kawalan kos adalah supaya sumber-sumber digunakan dengan sebaik-baiknya untuk mencapai satu tahap pulangan yang terbaik yang dapat dinikmati oleh klien terhadap pelaburan.

Terangkan bagaimana proses ini dijalankan di dalam sesuatu projek bangunan.

( 20 markah )

...2/-

3. (a) Huraikan pengertian kos-semasa-kegunaan.  
( 5 markah )
- (b) Huraikan keburukan-keburukan yang terdapat pada teknik kos-semasa-kegunaan.  
( 15 markah )
4. Huraikan faktor-faktor yang boleh mempengaruhi kos bangunan di masa peringkat pembinaan.  
( 20 markah )
5. Di dalam membuat anggaran untuk kerja-kerja bangunan, Jurukur Bahan menggunakan kaedah-kaedah yang tertentu. Terangkan dengan terperinci empat (4) daripada kaedah-kaedah yang digunakan.  
( 20 markah )
6. Nyatakan jenis-jenis kos yang terpaksa ditanggung oleh klien untuk mengadakan sesuatu projek pembangunan dan sumber-sumber kewangan untuk pembiayaan projek.  
( 20 markah )